

Rekreasi tingkat motivasi, rehat minda pelajar

UM 08-02-2012 26

KOTA KINABALU 7 Feb. - Penuntut Universiti Malaysia Sabah (UMS) digalakkan menyertai aktiviti rekreasi luar kampus kerana ia dapat merehatkan dan menyegarkan minda mereka.

Pegawai Penguasa Bahagian Pusat Pembangunan Profesional UMS Link (UCPD), Mohd. Hamdan Ruhimin berkata, aktiviti luar sama pentingnya dengan pembelajaran akademik mereka setiap hari.

"Aktiviti riadah akan membantu menyegarkan minda pelajar kerana dalam bilik kuliah, mereka memerah minda untuk menguasai sesuatu kemahiran dan pengetahuan," katanya ketika ditemui pada Program Rekreasi Bagai Aur Dengan Tebing anjuran UCPD iaitu anak syarikat milik penuh UMS Link Holdings Sdn. Bhd.

Seramai 136 pelajar baru UMS mengikuti program tersebut yang diadakan di Pantai Tanjung Aru, di sini baru-baru ini.

Ia turut disertai Pengerusi Kumpulan, UMS Link Holdings Sdn. Bhd., Datuk K. Y. Mustafa; Pengarah UMS

Link, Prof. Dr. Roselina Ahmad Saufi; Pengurus Sektor Pendidikan dan Latihan, UMS Link Holdings Sdn. Bhd., Rizal Malik dan Pengurus Kewangan Korporat, UMS Link Holdings Sdn. Bhd., Wan Mohd. Azeelan Adnan.

Antara aktiviti yang dijalankan sempena program itu ialah acara tarik tali, kerusi berirama, lumba tutup mata, mini triathlon dan bola sepak pantai.

Pelajar yang ditemui pada program itu rata-rata menyatakan bahawa aktiviti hujung minggu itu bukan sahaja merehatkan minda mereka tetapi juga dapat mengeratkan hubungan di antara pelajar dengan tenaga pengajar.

Seorang pelajar, **Chris Zhang Chu Jie** berkata, interaksi seperti itu sangat berguna kepada mereka.

"Saya seronok bersama kawan-kawan, pensyarah dan kakitangan pengurusan UMS Link untuk menjayakan program ini.

"Aktiviti ini sungguh menakjubkan, saya melihat aktiviti ini dapat membantu kami mencapai prestasi lebih baik dalam akademik," katanya.

Abdurrahman Burak dari Turki berkata, aktiviti itu sangat menyeronokkan dan mampu memberi motivasi bagi menghadapi ujian.

"Ia sangat bersesuaian kepada pelajar bagi membuka ruang kepada kami berinteraksi antara satu sama lain. Interaksi melalui rekreasi juga dapat meningkatkan lagi jalinan kerjasama antara pelajar dalam usaha bersama menjayakan program.

"Selain itu, aktiviti seumpama ini dapat memperkukuhkan semangat bantu-membantu yang sudah terjalin dalam kalangan pelajar dalam bilik kuliah," katanya.

Seorang pelajar dari China, **Terry Zhu Le** berkata, aktiviti itu memberi suasana baru kepada pelajar luar negara untuk mendekatkan diri dan mengenali dengan lebih dekat budaya di negara ini.

"Interaksi secara terbuka yang melibatkan keperluan komunikasi yang meluas dapat meningkatkan lagi keyakinan kami menggunakan bahasa Inggeris di tempat awam," katanya.



ABDURRAHMAN Burak (dua kanan) bersama pelajar lain yang menyertai acara tarik tali pada Program Rekreasi Bagai Aur Dengan Tebing di Pantai Tanjung Aru, Kota Kinabalu, baru-baru ini.